

24/08/2005

DR MAHATHIR MINTA BEKAS WAKIL RAKYAT TERUS SOKONG PEMIMPIN SEMASA

IPOH, 24 Ogos (Bernama) -- Sebagai seorang bekas wakil rakyat, Tun Dr Mahathir Mohamad meminta mereka yang "bertaraf" serupa dengannya supaya terus memberi sokongan padu kepada pemimpin-pemimpin negara pada masa ini.

"Kita sebagai bekas wakil rakyat tidak akan lupa sokongan pihak lain. Kalau kita rasa terhutang budi, eloklah kita beri sokongan kepada pengganti-pengganti kita," kata bekas Perdana Menteri itu ketika berucap pada satu jamuan anjuran Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) di sini malam tadi.

Dr Mahathir berkata bekas wakil rakyat perlu ingat bahawa mereka juga mendapat sokongan daripada parti politik masing-masing dan anggotanya.

Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, ketika berucap, berkata Dr Mahathir telah berjaya menyemai keyakinan diri pada setiap rakyat Malaysia menerusi slogan 'Malaysia Boleh'.

"Beliau berjaya menanam semangat bahawa apa sahaja yang orang lain boleh buat, rakyat Malaysia juga mampu melakukannya," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir dilantik penaung Mubarak.

-- BERNAMA

ZAZ MAI